



# Ahli MT Umno: Timbalan MB sedia terima kalau ditawarkan

KOTA BAHRU, Khamis — Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Hussein Ahmad berkata, beliau sedia menerima tawaran sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO sekiranya Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melantiknya.

Katanya, sehingga ini beliau belum mendapat sebarang tawaran seumpama itu dari pucuk pimpinan.

Dalam pertemuan di pejabatnya hari ini, Datuk Haji Hussein berkata, perantukan itu adalah hak "mutlak Presiden UMNO.

Berita Harian mendapat tahu, tawaran perantukan Datuk Haji Hussein dan Ustaz Yusof Zaki Yaakub sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO dibuat melalui telefon semalam.

Perkara ini diketahui secara tidak langsung melalui perbualan telefon (pertembungan line) antara Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Mustafa Jabar dengan Datuk Haji Hussein pagi semalam.

Datuk Haji Hussein mengesahkan, beliau dihubungi oleh Ibupejabat UMNO Malaysia.

"Mungkin juga Ibupejabat UMNO menelefon untuk menyampaikan arahan terbaru mengenai kurus atau majlis penerangan UMNO di luar Kelantan, kerana saya telah lama dilantik salah seorang Pegawai Penerangan Luar Kehormat UMNO Malaysia," katanya.

"Ini semua boleh jadi kerana saya tidak dapat bercakap dengannya dan saya tidak tahu hal yang sebenar panggilan dari Ibupejabat itu.

Perlantukan jawatan itu, tambahnya diberi sejak Tun Hussein Onn menjadi Presiden UMNO lagi.

"Walau apapun orang cakap tentang diri saya terutama mengenal per-

lantikan ke Majlis Tertinggi UMNO tetapi saya sendiri masih belum tahu dengan jelas," kata beliau lagi.

Ketika ditanya, beliau menjawab, "masih terlalu awal untuk memberi jawapan mengenai perlantukan itu dan sebagai ahli parti, saya mesti patuh kepada ketua."

## Menunggu

Sementara itu, Ustaz Yusof Zaki Yaakub pula berkata, beliau adalah seorang Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan terpaksa memohon kebenaran Sultan Kelantan terlebih dahulu sebelum menerima perlantukan Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

"Saya telah menyampaikan perkara itu kepada Sultan Kelantan dan sekarang ini

menunggu perintah samada Baginda membenarkan atau tidak" katanya ketika dihubungi petang ini.

"Sebagai anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, saya tertakluk kepada undang-undang dan tidak boleh melibatkan diri dalam mana-mana badan politik.

Beliau mengesahkan menerima perlantukan sebagai ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri bagi tahun ketiga dari Sultan Kelantan, "dan inilah yang agak menyulitkan saya untuk membuat keputusan," katanya.

"Jika saya mendapat jawapan dari Sultan Kelantan hari ini atau esok, saya akan membuat keputusan kepada Ibupejabat UMNO seberapa cepat yang mungkin," katanya lagi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia